

● 60,000 kes masih tertunggak ● Antara faktor waris berbalah, tak faham konsep faraid

RM54.7b pusaka diagih

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM dan AQILAH MIOR KAMARULBAID
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Sejumlah RM54.7 bilion nilai harta diselesaikan dengan diagihkan kepada waris menerusi Bahagian Pembahagian Pusaka Jabatan Tanah dan

Galian Persekutuan (JKPTG) di seluruh negara dalam tempoh lima tahun sejak 2016 hingga tahun lalu.

Agihan harta pusaka itu melibatkan harta tidak boleh alih seperti tanah kosong, kebun atau ladang. Namun jika waris berkenaan turut memiliki tambahan harta boleh alih seperti

wang dan kenderaan, JKPTG turut boleh menguruskan aset tersebut.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarah JKPTG, Muhammad Azmi Mohd. Zain berkata, jumlah itu meliputi 80 peratus atau 290,265 daripada 349,530 permohonan yang diterima dalam tempoh tersebut

dengan penyelesaian tertinggi pada tahun 2018 bersamaan RM10.9 bilion nilai harta.

Ini bermakna masih terdapat 59,365 kes permohonan penguurusan pembahagian harta pusaka tertunggak atau masih dalam proses mengambil kira kekeangan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) apa-

bila kes tidak dapat dibicarakan.

Kerana itu, hanya sejumlah 41,113 permohonan berjaya diselesaikan pada tahun 2020 meliputi nilai harta sebanyak RM8.8 bilion manakala pada tahun 2021, ia meliputi 25,988 kes+ dengan nilai RM4.6 bilion.

Bersambung di muka 2

RM54.7b pusaka diagih

Dari muka 1

Beliau berkata, ketidakfahaman masyarakat mengenai prosedur serta perbalahan dalam kalangan keluarga menjadi penyumbang kepada tunggakan kes permohonan tidak dapat diselesaikan.

Situasi lebih sukar apabila waris tidak memberikan kerjasama untuk hadir perbincaraan dan tidak memberi persetujuan dalam membahagikan harta.

“Sikap acuh tidak acuh atau sambil lewa masyarakat dalam pengurusan harta pusaka milik menjadi punca kelewatan untuk diselesaikan. Permohonan pusaka dibuat jika harta tersebut hendak dijual atau berlaku pengambilan balik tanah.

“Pada masa ini banyak masalah berlaku seperti sukar untuk mendapatkan dokumen serta waris bertambah disebabkan kematian berlapis dan sebagainya,” katanya ketika ditemui di pejabat beliau di sini baru-baru ini.

Muhammad Azmi berkata, tempoh untuk proses pengurusan harta pusaka sebenarnya boleh diselesaikan dalam empat bulan bermula daripada penyerahan borang permohonan dan dokumen sokongan bagi kes yang tidak bermasalah.

Namun, beliau memberitahu, kebanyakan waris tidak memahami hukum faraid menyebabkan penyelesaian pusaka menjadi rumit dan lambat.

Jelas beliau, kefahaman waris dalam hukum faraid memainkan peranan penting kerana setiap waris memahami hak dan



MUHAMMAD AZMI

tanggungjawab masing-masing dalam menyelesaikan pembahagian pusaka secara segera selepas berlaku kematian.

Pada masa sama, Azmi turut membangkitkan kekangan jumlah pegawai dan kakitangan terhad menyebabkan banyak kes tidak dapat diselesaikan mengikut piagam Bahagian Pembahagian Pusaka.

Bagaimanapun, permohonan pembahagian pusaka sentiasa diterima walaupun dalam tempoh PKP, namun perbincaraan tidak dapat dijalankan menyebabkan kes tertunggak semakin bertambah.

“Dijangkakan hujung tahun ini Bahagian Pembahagian Pusaka, JKPTG mendapat 100 kakitangan tambahan yang dilantik secara kontrak perkhidmatan bagi menangani isu tunggakan,” katanya.

Dalam pada itu, mengulas mengenai harta pusaka beku, Muhammad Azmi berkata,

harta milik si mati yang belum diuruskan dan diwarisi kepada waris-waris tidak boleh ditukar milik atau dicairkan selagi belum mendapat surat kuasa tadbir daripada agensi yang berkuasa kuasa menurut perundangan di negara ini.

Beliau turut menyanggah pandangan sesetengah pihak bahawa jumlah harta beku yang sebahagian besarnya milik orang Islam mencecah RM70 bilion.

Katanya, jumlah itu sesuatu tidak masuk akal jika diukur menerusi nilai purata satu kes diterima bahagian ini sekitar RM170,000 hingga RM250,000 dan sekiranya digandakan mengikut jumlah yang tertunggak sekitar 55,000 kes, nilainya baru mencecah RM13.7 bilion.

“Harta beku ini masih didaftar atas nama si mati selepas berlaku kematian seseorang pemilik harta. Contohnya harta tak alih si mati tanah atau rumah, harta alih seperti akaun bank, kenderaan, saham dan sebagainya.

“Setiap pemilikan harta individu merupakan hak mutlak pemiliknya yang mana hanya pemilik mempunyai penguasaan dan privasi maklumat mengenai harta mereka,” katanya.

Justeru, dalam hal ini katanya, perancangan harta oleh pemilik sebelum berlaku kematian amat penting untuk dititik beratkan.

Pemilik harta digalakkan memberitahu waris-waris senarai harta mereka agar memudahkan waris untuk membuat permohonan pembahagian pusaka jika berlaku kematian kepada pemilik harta.